

AHMAD WAHID DAN PENGKRITIKNYA

AHMAD WAHIB AND HIS CRITIQUES

Ahmad Nabil AMIR^{*1}

Tasnim ABDUL RAHMAN²

^{*1}*International Institute of Islamic Thought and Civilization, 24, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, 50480, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.*

²*Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FPKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman, Malaysia.*

^{*1}*nabiller2002@gmail.com*

²*tasnimrahman@unisza.edu.my*

Corresponding author*

Received: 10th December 2024

Accepted: 4th September 2025

ABSTRAK

Makalah ini meninjau pemikiran Ahmad Wahib (1942–1973) serta reaksi pengkritiknya dalam kalangan puak konservatif dan ortodoks di Indonesia. Isu utama yang diketengahkan ialah bentuk kritikan yang dilontarkan terhadap gagasan pembaharuan Islam yang dibawa oleh Wahib, yang sering dianggap bertentangan dengan pandangan arus perdana. Kajian ini menganalisis pergulatan idea Wahib berhubung isu keagamaan, sosial, dan pengalaman hidupnya dalam masyarakat majmuk Indonesia. Penelitian ini menelusuri catatan harian Ahmad Wahib yang memaparkan pandangan beliau tentang etika, hukum, sastera, politik dan sosial. Catatan tersebut memperlihatkan ketajaman pemikiran Wahib sebagai intelektual muda yang kritis terhadap kejumudan beragama dan menyeru kepada tafsiran Islam yang lebih rasional serta kontekstual. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk penelitian kepustakaan dan dokumentari, dengan analisis deskriptif, komparatif, historis dan analitis terhadap karya-karya Wahib dan tulisan yang berkaitan dengan pemikiran serta kritik sosialnya. Hasil kajian merumuskan bahawa Ahmad Wahib ialah tokoh reformis Islam moderat yang menekankan nilai kebebasan, rasionalisme, dan kemanusiaan. Pemikirannya membuka ruang kepada perbincangan baharu dalam wacana Islam moden di Indonesia. Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti perbandingan pemikiran Wahib dengan tokoh seperti Nurcholish Madjid dan Harun Nasution, serta pengaruhnya terhadap generasi muda Islam kontemporari. Pendekatan interdisiplin yang menggabungkan falsafah, sosiologi agama dan hermeneutik moden juga dicadangkan bagi memperluas pemahaman terhadap dimensi kemanusiaan dalam gagasan Wahib.

Kata kunci: Ahmad Wahib; kritik; pemikiran; pembaharuan; Himpunan Mahasiswa Islam (HMI)

Abstract

This paper examines the thoughts of Ahmad Wahib (1942–1973) and the reactions of his critics among conservative and orthodox groups in Indonesia. The main issue highlighted is the nature of the criticisms directed at Wahib's ideas of Islamic reform, which were often perceived as opposing mainstream religious views. The study analyses Wahib's intellectual struggles concerning religious and social issues, as well as his experiences living within Indonesia's pluralistic society. The research traces Ahmad Wahib's personal journals, which reveal his views on ethics, law, literature, politics, and society. These writings demonstrate Wahib's intellectual sharpness as a young thinker who was critical of religious rigidity and who advocated a more rational and contextual interpretation of Islam. The study employs a qualitative approach based on library and documentary research, using descriptive, comparative, historical, and analytical methods to examine Wahib's works and other writings related to his social thoughts and critiques. The findings conclude that Ahmad Wahib was a moderate Islamic reformist who emphasized the values of freedom, rationalism, and humanism. His ideas opened new spaces for discussion within the discourse of modern Islam in Indonesia. Further research is recommended to compare Wahib's ideas with those of figures such as Nurcholish Madjid and Harun Nasution, as well as to explore his influence on the younger generation of contemporary Muslims. An interdisciplinary approach combining philosophy, sociology of religion, and modern hermeneutics is also suggested to deepen understanding of the humanistic dimensions in Wahib's intellectual framework.

Keywords: Ahmad Wahib; critique; thought; reform; Himpunan Mahasiswa Islam (HMI)

Pengenalan

Makalah ini meneliti bentuk-bentuk kritikan terhadap pemikiran Ahmad Wahib (9 November 1942 hingga 31 Mac 1973), seorang intelektual kelahiran Sampang, Madura yang berpengaruh dalam gerakan pembaharuan Islam serta aktif dalam pelbagai lingkaran diskusi mahasiswa, khususnya menerusi Himpunan Mahasiswa Islam (HMI). Fokus kajian ini adalah terhadap reaksi dan kritikan yang diterima Wahib daripada golongan konservatif dan propagandis agama yang berusaha menolak pendekatan penafsirannya terhadap al-Quran dan hadith, serta menentang gagasan-gagasannya tentang reformasi pemikiran Islam. Menurut Nadhirah Mohd Rubani (2023), Wahib mengembangkan corak pemikiran Islam liberal yang berpengaruh luas dan berjaya menarik jaringan pengikut yang signifikan di Indonesia. Fenomena ini kemudiannya mendorong kemunculan Jaringan Islam Liberal (JIL) yang diasaskan oleh Ulil Abshar Abdalla, tokoh dari lingkungan Nahdlatul Ulama (NU) yang kini memegang jawatan sebagai Ketua Lembaga Kajian dan Pengembangan Sumber Daya Manusia PBNU (2022–2027) bersama beberapa rakan sehaluannya. Elemen pemikiran liberal ini turut tergambar dalam karya penting Wahib berjudul *Pergolakan Pemikiran Islam* yang menghimpunkan renungan dan catatan hariannya. Buku tersebut menampilkan pemikiran yang kritikal terhadap hukum-hakam, metodologi tafsir, serta mengemukakan penafsiran semula terhadap konsep ibadah, di samping mempersoalkan autoriti keagamaan dan fatwa ulama yang dianggap tidak lagi relevan dengan realiti semasa.

Catatan Harian Ahmad Wahib ini telah menjadi inspirasi kepada perjuangan puak liberal dan feminis menuntut persamaan dan pengembangan idea-idea hak asasi ala Barat. Perkara ini juga tercatat dalam himpunan esei *Pembaharuan Tanpa Apologia? Esai-Esai Tentang Ahmad Wahib* yang dianjurkan Democracy Project yang dilihat sangat berkesan dalam meningkatkan minat anak muda dan penghargaan terhadap idea dan semangat yang dikembangkannya (Alexander, 2012). Fahaman ini juga berkaitan dengan ideologi pembebasan dan pemodenan yang digerakkan dalam masyarakat. Fahaman ini juga mencabar nilai dan tradisi yang dilihat lapuk serta bersifat mengongkong hingga menghalang proses kemajuan (Irfan Noor, 2003). Di Yogyakarta, Ahmad Wahib terdedah kepada Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) yang berpotensi merekrut barisan pemuda yang lebih dikenali dengan pemikiran yang kritis dan berinovasi (H. Faisal Ismail, 2018). Keberanian Ahmad Wahib menafsir semula ajaran Islam di luar kerangka tradisional menimbulkan perdebatan dalam kalangan golongan tua yang masih berpegang kepada pandangan konservatif dan sukar menerima perubahan. Pemikirannya mengangkat nilai kemanusiaan sejagat yang merentas batas agama, menegaskan pentingnya ijtihad, kebebasan beragama tanpa paksaan dan pelaksanaan prinsip-prinsip demokrasi dalam kehidupan beragama. Ahmad Wahib berusaha memperbaharui fiqh yang dianggap ketinggalan zaman dengan membuka ruang kepada kreativiti dan pembaharuan yang berasaskan sifat hukum serta kehendak maqasid syariah yang bersifat universal, transformatif, pertengahan (*wasatiyah*), lentur dan fleksibel (*murunah*), di samping menekankan nilai ihsan dan *rahmat lil 'alamin*. Menurut Ahmad Wahib, penyelesaian terhadap pelbagai masalah kehidupan tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada sejarah semata-mata. Beliau menegaskan bahawa sejarah Nabi Muhammad SAW adalah sumber agama Islam, tetapi agama Islam bukanlah jawapan bagi semua persoalan hidup masyarakat Muslim, sama ada secara individu mahupun kolektif. Ahmad Wahib berusaha melakukan pembaharuan terhadap fiqh tradisional yang dilihat tidak lagi sesuai dengan tuntutan semasa dan membuka ruang kepada kekreatifan dan pembaharuan berasaskan sifat hukum dan kehendak maqasid Syariah yang universal, transformatif, pertengahan (*wasatiyah*), lentur, fleksibel (*murunah*), ihsan, dan *rahmat lil 'alamin*. Menurut Ahmad Wahib (1981), penyelesaian terhadap masalah kehidupan tidak seharusnya hanya bergantung kepada sejarah semata-mata, sebaliknya perlu dicari melalui pemikiran dan usaha manusia sendiri. Beliau menegaskan bahawa sejarah Nabi Muhammad SAW merupakan sumber agama Islam, namun agama Islam itu sendiri bukanlah jawapan kepada semua persoalan hidup masyarakat Muslim, sama ada pada peringkat individu mahupun kolektif.

Ahmad Wahib dikenang sebagai tokoh muda Islam yang moderat dan berhaluan sederhana yang mencetuskan cita-cita pembaharuan Islam bersama Nurcholish Madjid, tokoh neo-modernisme Islam yang merumuskan bahawa pembaharuan perlu dimulakan melalui tindakan saling berkait rapat, iaitu dengan melepaskan diri daripada nilai-nilai tradisional dan mencari nilai-nilai yang berorientasikan masa depan (Irfan Noor, 2003). Abdul Wahib menghadapi cabaran zaman dengan kekuatan dialektika yang digarap daripada sumber-sumber Islam dan pemikiran Barat. Hujahnya yang bernas dan menarik dalam mengupas isu-isu berkaitan Islam, modeniti dan sekularisme, syariah dan martabat intelektual, serta kepincangan hukum dan nilai dalam masyarakat telah mengangkat gagasan kebebasan dan menjadi medium kritik terhadap kelemahan ulama dan pemerintah. Bahagian utama artikel ini membincangkan aktivisme serta kesedaran diskursif Ahmad Wahib yang mendalam terhadap kandungan hermeneutik dalam teks-teks keagamaan (Irfan Noor, 2003), khususnya berkaitan persoalan agama, hukum-hakam dan usahanya dalam melaksanakan pembaharuan pemikiran Islam.

Sorotan Literatur

Sumber biografi mengenai Ahmad Wahib telah direkodkan dalam beberapa karya penting yang meneliti pemikiran dan sumbangannya terhadap gerakan pembaharuan Islam di Indonesia. Antaranya termasuk tulisan Nurdin (2006), Saidiman Ahmad et al. (2010), Muliati (2013), H. Faisal Ismail (2018), dan Muhammad Khusnul Khuluk (2014) yang mengupas idea-idea kompleks Wahib berhubung persoalan metafizik dan ketuhanan, dasar kepimpinan, sekularisme, pluralisme, serta kritik beliau terhadap golongan ulama dan nilai-nilai toleransi yang berpengaruh dalam wacana Islam Indonesia moden. Selain itu, kajian umum berkaitan nilai adab dan kemelayuan oleh Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan et al. (2025) dan Muzaffar Mohd Zafri et al. (2025) turut menjadi rujukan perbandingan bagi menilai keselarasan antara gagasan nilai-nilai tersebut dengan idealisme dan pandangan dunia yang dikembangkan oleh Ahmad Wahib.

Sumber primer yang paling penting ialah karya Wahib sendiri, *Pergolakan Pemikiran Islam: Catatan Harian Ahmad Wahib*, yang disunting oleh Djohan Effendi dan Ismed Natsir (1981). Buku ini bukan sahaja memaparkan latar biografi ringkas beliau, tetapi turut menghimpunkan renungan falsafah dan analisis kritisnya terhadap teori-teori Barat, di samping membicarakan tafsirannya terhadap doktrin dan ajaran Islam klasik. Penulisannya memperlihatkan pencarian intelektual yang mendalam terhadap hakikat maqasid syariah, serta usaha untuk memahami dimensi spiritual dan rasional Islam dalam kerangka kemanusiaan sejagat, seperti yang dinyatakannya dalam catatan hariannya.

“Aku belum tahu apakah Islam itu sebenarnya. Aku baru tahu Islam menurut Hamka, Islam menurut Natsir, Islam menurut Abduh, Islam menurut ulama-ulama kuno, Islam menurut Djohan, Islam menurut Subki, Islam menurut yang lain-lain. Dan terus terang aku tidak puas. Yang ku cari belum ku temu, belum terdapat, yaitu Islam menurut Allah pembuatnya. Bagaimana? Langsung studi dari Qur’an dan sunnah? akan kucoba. Tapi orang-orang lain pun akan beranggapan bahwa yang ku dapat itu adalah Islam menurut aku sendiri. Tapi biar, yang penting adalah keyakinan dalam akal sehatku bahwa yang kufahami itu adalah Islam menurut Allah. Aku harus yakin itu!”

(Ahmad Wahib, 1969, p. 27)

Dalam tulisannya tentang falsafah pemikiran Ahmad Wahib, Nadhirah Mohd Rubani (2023) memperlihatkan bahawa gagasan pembaharuan Ahmad Wahib diwarnai oleh unsur-unsur pemikiran liberal yang bertentangan dengan semangat dan faham ortodoks yang tradisional dan menjadi inspirasi kepada kumpulan Jemaah Islam Liberal (JIL) yang mempertikaikan metodologi penafsiran al-Quran dan hadith dan membawa tafsiran baharu tentang konsep ibadat dan penafsiran semula hukum Islam. Irfan Noor (2003) menjelaskan kecenderungan pola pemikiran yang diusungnya yang “lebih menekankan proses progresifasi dan akomodasi historis-sosiologis daripada terkungkung ke dalam hegemoni teks” (Irfan Noor, 2003, p. 191). Sementara Ayu Alfiah Jonas (2020) pula mendapati bahawa peta idea

pembaharuan yang diketengahkan Ahmad Wahib sebenarnya telah muncul lebih awal, namun tidak dikenali secara meluas. Kegiatan pemikirannya ini berdampak luas untuk memberi kesedaran terhadap hal berkaitan kesenian dan kebudayaan serta nilai kebangsaan dan kemanusiaan. Ahmad Wahib berpendapat bahawa pembaharuan merupakan suatu proses yang tidak pernah berakhir. Oleh itu, penilaian dan kajian semula secara berterusan terhadap pemikiran yang telah sedia ada menjadi satu keperluan yang mendesak.

Metodologi Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan kaedah penelitian kepustakaan serta dokumentari. Data dikumpulkan daripada sumber primer dan sekunder yang komprehensif, meliputi catatan harian Ahmad Wahib, serta bahan berbentuk buku, manuskrip, artikel, tesis, majalah, akhbar, dan pelbagai penulisan lain yang berkaitan. Semua bahan yang diperoleh dianalisis secara deskriptif, analitis, historis, dan komparatif bagi menghasilkan dapatan dan kesimpulan yang bersifat saintifik dan objektif.

Analisis Data dan Perbincangan

Penjelasan mengenai pemikiran Ahmad Wahib diuraikan dalam bahagian ini dengan menumpukan kepada falsafah dan cita-cita pembaharuan yang diperjuangkannya melalui pergerakan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI). Idealisme tersebut dikembangkan dalam gerakan pembaharuan intelektual yang memberikan pengaruh besar terhadap perjuangan mahasiswa, khususnya dalam kelompok diskusi HMI seperti yang digambarkan dalam catatan hariannya yang meninggalkan kesan mendalam terhadap pembentukan idea dan pandangan hidupnya.

Pada masa yang sama, terdapat kritikan yang dilemparkan oleh para penghujah dan pengkritiknya secara sinis terhadap gagasan Ahmad Wahib yang selalu diidentitikan dengan nilai-nilai liberalisme, pluralisme, dan humanisme (Hafidz Arfandi, 2017), kebebasan berfikir serta kegelisahan intelektual yang dialami oleh Ahmad Wahib telah membawanya ke puncak pemikiran rasionalisme dan eksistensialisme. Salah satunya melalui usaha meruntuhkan kenyataan-kenyataan yang berpunca daripada dogmatisme. Menurut Abdurrahman Wahid K.H (1982), terdapat reaksi spontan yang kritis, iaitu yang tersiar dalam pelbagai medium, sama ada bercetak dan tidak bercetak, contohnya khutbah Jumaat dan diskusi-diskusi ilmiah di universiti. Dalam kalangan bukan Muslim pula, catatan Ahmad Wahib diterima secara positif sebagai suatu bentuk diskusi dan dialog yang sihat dalam pencarian kebenaran. Namun, dalam kalangan umat Islam sendiri, Wahib telah dilabel dan dijatuhkan hukuman yang berat seperti kafir, murtad, pewaris kekabailahan Yahudi, pendukung fanatisme orientalis, penyebar kesesatan sekular, serta dianggap berkomplot untuk memesonakan umat Islam daripada agamanya. Malah, semua individu yang memiliki persamaan pandangan atau kaitan dengannya turut dianggap bersalah. Prof. Rasjidi dalam makalahnya yang disiarkan oleh *Panji Masyarakat*, menilai gagasan Wahib sebagai suatu tragedi dalam wacana pemikiran Islam moden.

Bahkan, kekeliruan itu tidak jauh berbeza dengan surat-surat pembaca yang dikirim kepada majalah *Panji Masyarakat* yang mengecam serta menuntut agar penerbitan dan penerbitan buku tersebut dihentikan. Walaupun demikian, belum tentu Wahib sendiri akan bersetuju untuk menerbitkan karyanya sekiranya beliau masih hidup. Menurut Abdurrahman Wahid (1982), meskipun karya Ahmad Wahib ditolak oleh sebahagian besar kaum Muslimin sendiri, namun karya tersebut merupakan suatu tawaran terhadap sudut pemikiran dan jendela pandangan yang baharu. Oleh itu, makalah ini berusaha meneliti implikasi logik daripada gagasan dan pandangan Wahib dalam menghidupkan semula wacana serta kesedaran Islam yang lebih terbuka, rasional dan bimaruah.

Catatan Harian Ahmad Wahib

Ahmad Wahib merupakan budayawan, intelektual dan pemikir yang kontroversi dan unik. Beliau telah mengungkapkan bahawa idealisme pemikiran yang segar dan menzhahirkan kefahaman Islam yang rasional dalam karyanya yang bertajuk *Catatan Harian*. Karya ini menggariskan idea-idea pembaharuan yang tuntas dan menampilkan kefahaman yang mapan tentang dasar-dasar pemikiran, budaya, falsafah, agama, hukum, syariat, ideologi, politik, faham kebebasan, demokrasi dan keadilan. Pengkaji mengkaji esei-esei ringkas yang dimuatkan dalam karyanya *Catatan Harian* ini dan jelas dilihat idealisme dan cita-cita perjuangan yang diilhamkannya bagi menerapkan asas-asas pembaharuan dalam pemikiran. *Catatan Harian* merupakan warisan pemikirannya yang dicatatkan berdasarkan pendapat dan kefahamannya tentang masalah-masalah yang difikirkan hasil daripada diskusi bersama aktivis Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) Yogya dan anggota forum yang bertajuk Lingkaran Diskusi *Limited Group* di IAIN Sunan Kalijaga antara pertengahan tahun 1967-1971. Perbincangan yang dihadiri oleh saudara Muhammad Dawam Rahardjo, Djohan Effendi, H.A. Mukti Ali, Syu'bah Asa, Saifullah Mahyuddin, Djauhari Muhsin, Kuntowidjojo, Syamsuddin Abdullah, Muin Umar, Kamal Muchtar, Simuh, Wadjiz Anwar, dan orang-orang luar seperti Deliar Noer, Nono Anwar Makarim, Rendra, Prof. Sudjito, Sutrisno Hadi, Lafran Pane, Pranarka, Karkono, Boland, Bakker, Niels Mulder, James Peacock dan yang lain-lain ini dirakam dengan teliti dan terdiri dari 17 buku tebal yang ditulis tangan. Perbincangan ini telah merumuskan tentang perjuangan dan pemikirannya berkaitan tentang masalah keagamaan dan politik.

Corak perbincangan yang mendalam berkaitan masalah-masalah dasar dalam agama, “acapkali mendorong orang untuk merenung dan mengadakan pemikiran ulang, malah mungkin mempertanyakan kembali apa yang difahami selama ini tentang soal-soal keagamaan.” Hal ini diungkapkan oleh Djohan Effendi dalam penulisan kata pengantar kepada buku *Pergolakan Pemikiran Islam*:

“Baik saudara Syu'bah Asa maupun saudara Dawam Rahardjo dan juga teman-teman lain ingin melihat catatan harian Wahib terbit, bukan karena Wahib adalah orang yang dekat dengan mereka, tapi karena mereka tahu peran yang telah dimainkan Wahib selama beberapa tahun dalam suatu kelompok pembaharuan...saya pikir, demi proses pembaharuan yang memang belum selesai, catatan harian Ahmad Wahib punya arti penting. Catatan ini penting dilihat dari segi kepentingan pengkajian masalah keagamaan dan perubahan sosial di tanah air kita ini.”

(Djohan Effendi, 1981, p. 2)

Pada masa yang sama, hal ini menzhahirkan kerangka pemikiran Wahib yang berdasarkan idealismenya tentang aspirasi hukum dan objektif syariat serta membincangkan tentang kebebasan idea dan pengucapan, pemeraksanaan akal dan ijtihad. Sikapnya yang sentiasa mencari makna di sebalik pemikiran telah mendorongnya terlibat dalam perdebatan intelektual yang berprinsip. Menurut Sulaiman Djaya (2003), finalis Anugerah Ahmad Wahib, catatan harian Ahmad Wahib merupakan contoh terbaik tentang pemikiran yang dapat dihidupkan secara menyeluruh dan penuh semangat. Selain itu, H. A. Mukti Ali (1981) dalam pengantarnya kepada buku *Pergolakan Pemikiran Islam: Catatan Harian Ahmad Wahib* menjelaskan bahawa penglibatan Ahmad Wahib dalam gerakan mahasiswa telah membawanya kepada pertemuan dengan pelbagai persoalan agama dan kemasyarakatan yang mencetuskan perjuangan yang mendalam. Renungan serta perjuangan intelektual tersebut kemudiannya terserlah dalam catatan hariannya dan membentuk warna utama dalam perjalanan pemikiran beliau.

Ahmad Wahib juga membincangkan persoalan agama yang rumit, iaitu menyentuh masalah-masalah teologis yang tidak pernah difikirkan dan membangkitkan persoalan-persoalan agama yang merungkaikan ajaran-ajaran berkaitan dengan ideologi, atribut-atribut Islam dan sikap orang Islam apabila berhadapan dengan cabaran modernisasi, sekularisasi, sosialisme dan marxisme. Dalam proses

pencariannya, Ahmad Wahib melontarkan persoalan yang jarang didengari terutamanya berkaitan dengan masalah agama dan memperlihatkan pemikiran yang dianggap rumit dalam kalangan umat Islam. Hal ini demikian kerana dasar kebebasan akliah dan keupayaan mental yang mutlak menyebabkan perkara yang ditulisnya membuatkan individu berfikir tentang persoalan-persoalan yang bersifat tabu. Penulisan beliau dapat mengungkapkan isi fikirannya yang berlandaskan pemikiran dan pengalaman daripada persekitaran. Walau bagaimanapun, corak pemikiran yang dikemukakan tidak berasaskan kepada suatu kerangka keilmuan yang tersusun, serta tidak disandarkan pada rujukan ilmiah dan literatur asing di luar lingkungan pendidikan dan sosio-budayanya. Keadaan ini, seperti yang dinyatakannya sendiri, mencerminkan keterbatasan latar sumber dan pendekatan epistemologinya.

“Aku tidak memiliki modal ilmu. Yang kumiliki hanyalah nafsu atau emosi untuk berfikir terus mencari kebenaran dan berusaha terus menegakkan kejujuran dan kebaikan. Karena itulah fikiran-fikiran yang kukumpulkan dalam tulisan-tulisan lebih banyak sebagai suatu analisa ilmiah. Kebanyakan dari isi fikiranku adalah sekedar hasil dari renungan-renungan sewaktu makan, tiduran, naik sepeda, jalan kaki sepanjang jalan raya, nonton filem, naik spur dan lain-lain tanpa suatu basis ilmu yang memadai.”

(Abdul Wahib, 1981, p. 60).

Latar Belakang Kehidupan

Ahmad Wahib dilahirkan pada 9 November 1942 di Sampang, Madura, Indonesia dan memiliki latar belakang keagamaan yang kukuh. Ayahnya, Pak Sulaiman merupakan seorang pemimpin agama yang disegani di daerah tersebut. Menurut Wahib, ayahnya merupakan salah seorang pelopor gerakan islah di Indonesia yang bersifat agak radikal seperti yang dinyatakannya sendiri dalam catatan hariannya, iaitu:

“Ayahku adalah seorang pemberontak pada zamannya. Di masa mudanya dia telah mengkritik beberapa isi kitab-kitab agama yang dinilainya tidak sesuai dengan al-Qur’an dan Hadith. Dia malah mengatakan pada kiyai-kiyai gurunya dan temannya bahwa kitab-kitab semacam Sultam dan Safina perlu perombakan...ayahku merupakan tokoh santri pertama di Sampang yang menyekolahkan anak puterinya ke Sekolah Umum. Dan beliaulah tokoh santri pertama di Sampang yang mengawinkan anaknya sekedar seperti yang diwajibkan agama, suatu hal yang saya sendiri masih mempersoalkannya, tapi merupakan keberanian ayah untuk membikin alternatif lain pada lingkungannya. Dan hal semacam ini kiranya perlu dipelajari.”

(Ahmad Wahib, 1982, p.181-182)

Ahmad Wahib pernah menempuh kehidupan di pesantren untuk tempoh yang singkat, meskipun beliau tidak sempat mendalami disiplin keilmuan tradisi santri secara menyeluruh. Selepas itu, beliau beralih ke jalur pendidikan umum dan melanjutkan pengajian dalam bidang ilmu pasti di Sekolah Menengah Atas (SMA) Pamekasan pada tahun 1961. Seterusnya, beliau menyambung pelajaran di Fakultas Ilmu Pasti dan Alam (FIPA), Universitas Gadjah Mada (UGM), Yogyakarta. Namun demikian, Ahmad Wahib tidak sempat menamatkan pengajian tersebut walaupun telah berada di tahun akhir. Dalam tempoh awal keberadaannya di Yogyakarta, Wahib menetap di Asrama Mahasiswa Realino, iaitu sebuah institusi kediaman berorientasikan Katolik. Di sinilah beliau mula menulis catatan harian yang memaparkan refleksi peribadinya tentang interaksi dengan pelajar Islam yang menunaikan solat Jumaat di masjid, rancangan khutbah yang disusunnya untuk sahabat-sahabatnya, serta senarai bahan bacaan ilmiah yang perlu dimiliki sebagai mahasiswa FIPA. Catatannya turut merekodkan tajuk-tajuk artikel daripada majalah *Gema Islam*, *Al-Jamiah* dan beberapa penerbitan lain yang disusunnya dengan sistematik mengikut kategori tertentu.

Semasa menuntut di Yogyakarta, Ahmad Wahib aktif dalam gerakan mahasiswa dan menjadi anggota Himpunan Mahasiswa Islam (HMI), iaitu beliau menonjol sebagai aktivis yang berpengaruh serta tergolong dalam kelompok elit HMI Yogyakarta. Di luar kegiatan HMI, beliau turut menyertai

Lingkaran Diskusi Limited Group yang dipimpin oleh H. A. Mukti Ali, seorang tokoh penting dalam wacana pembaharuan Islam di Indonesia. Lingkungan pergaulan intelektual Ahmad Wahib amat luas. Beliau telah menjalin hubungan dengan tokoh-tokoh ternama serta berdialog bersama A. R. Baswedan, Ki Muhammad Tauchid, Samhudi, Karkono, Ashadi Siregar, Tahi Simbolon dan Aini Chalid. Beliau juga berdialog dengan tokoh daripada golongan eks-Masyumi, Ahmadiyah, serta anggota Konstituante Parti Nasional Indonesia (PNI). Selain itu, Ahmad Wahib juga aktif menulis makalah dan artikel yang diterbitkan dalam akhbar harian, khususnya rencana-rencana kritis yang mengupas persoalan keagamaan, politik, serta pandangan futuristiknya terhadap masa depan arsitektur Islam.

Antara tahun 1969 hingga 1973, Ahmad Wahib berkhidmat sebagai calon wartawan di majalah *Tempo*. Walau bagaimanapun, beliau mengakui bahawa pekerjaan tersebut telah menuntut sebahagian besar masanya sehingga menghadkan ruang untuk menumpukan perhatian terhadap pengembangan idea-idea besar mengenai masyarakat, negara dan cita-cita pencerahan intelektual yang diperjuangkannya. Pengakuan ini dinyatakan ketika beliau menghuraikan pengalaman sebagai wartawan, termasuk cabaran untuk mempertahankan idealisme dalam menghadapi tekanan realiti kehidupan kota yang dinamik dan penuh persaingan.

“Nah, yang banyak menyita pikiranku sebagai wartawan adalah: menyajikan suatu peristiwa dalam bentuk berita agar jelas bagi pembaca dan sekaligus menarik hatinya. Kurang sekali waktu untuk memikirkan dengan intens bagaimana sebenarnya persoalan-persoalan dalam peristiwa-peristiwa tadi (aspek horizontal, masalah-masalah aneh, yang jauh lebih menarik untuk dilaporkan dari aspek vertikalnya, gejala permukaan yang sangat kontemporer) serta pemecahannya. Memikirkan dengan serius pokok persoalan yang sebenarnya, kurang sekali. Inilah mungkin yang membuat otakku tumpul dan kemampuan berpikirkku menurun. Banyak hal-hal yang dulu hampir aku kuasai dengan baik, kini seolah-olah barang asing setelah empat bulan aku menjadi wartawan. Tapi apa hendak dikata. Aku mesti menekuni pekerjaan ini, betapapun efek negatifnya.”

(Abdul Wahib, 1982, p. 362).

Islam Tanpa Apologia

Pemikiran Ahmad Wahib berasaskan kepada konsepsi bahawa manusia perlu menggunakan daya fikirnya secara maksimum dalam memahami hakikat kehidupan dan ajaran agama. Oleh itu, asas keyakinannya banyak bertumpu pada rasionalisme dan pemikiran logis yang menekankan peranan akal sebagai instrumen utama dalam menafsirkan realiti keagamaan. Kefahaman agamanya berpaksikan kepada tafsiran terhadap teks-teks keagamaan yang bersifat zahir, namun tetap menghargai dimensi hermeneutik melalui pendekatan yang merangkumi unsur eksplisit dan implisit. Dalam menafsirkan al-Quran dan al-Hadith, Ahmad Wahib menekankan kepentingan *asbab al-nuzul* serta semangat zaman (*zeitgeist*) ketika ayat diturunkan. Hal ini kerana aspek ini menurutnya kurang diberikan perhatian oleh para pentafsir tradisional dalam usaha memahami makna teks secara menyeluruh. Pandangan ini juga mendorongnya untuk mengkritik sebarang bentuk penyelewengan atau penyalahgunaan teks suci, sama ada dari segi pemakaian mahupun pentafsirannya. Menurut beliau lagi, penggunaan ayat-ayat al-Quran hendaklah dikaitkan dengan konstelasi spiritual dan konteks sirah Rasulullah SAW, di samping mempertimbangkan intipati serta maqasid Syariah yang luhur dan sejagat. Ahmad Wahib juga menolak pendekatan tekstual yang memahami hadith secara literal dan terpisah daripada konteks sejarah serta semangat zaman (*asbab al-wurud*) yang melahirkannya kerana tafsiran sedemikian dianggap mengabaikan tujuan moral dan kemanusiaan Islam yang sebenar.

Ahmad Wahib turut mengemukakan kritikan terhadap corak kepimpinan Himpunan Mahasiswa Islam (HMI) yang menurutnya bersifat konservatif dan berorientasikan pemikiran tradisional sehingga tidak lagi seiring dengan tuntutan zaman yang menuntut pembaharuan pemikiran, rasionaliti dan

keterbukaan intelektual. Beliau menilai bahawa garis perjuangan HMI pada tempoh antara tahun 1967 hingga pertengahan 1969 memperlihatkan kecenderungan yang reaksioner dan jumud, serta gagal menyesuaikan diri dengan perkembangan sosial dan intelektual masyarakat moden. Sebagai respons terhadap kejumudan tersebut, Ahmad Wahib tampil dengan rangka konseptual baharu dalam Kongres HMI di Malang dengan menegaskan keperluan mentransformasikan organisasi itu menjadi sebuah gerakan mahasiswa moden yang berorientasikan kaderisasi, berfikiran progresif, dan mengekalkan kebebasan daripada sebarang pengaruh politik kepartian. Pemikiran Ahmad Wahib kemudiannya berkembang dalam kerangka wacana yang luas dan bersifat interdisiplin, iaitu beliau secara mendalam dan konsisten menghubungkan falsafah kebebasan berfikir dengan nilai agama, tradisi, kemanusiaan, serta realiti sosial umat. Bagi Ahmad Wahib, kebebasan intelektual dan kejujuran akal merupakan asas kepada pembinaan masyarakat Islam yang dinamik dan berpaksikan nilai-nilai kemanusiaan sejagat, iaitu:

“Hari ini banyak hal terpikir olehku. Misalnya apakah aku akan seperti orang-orang tua yang sering aku kritik sekarang ini? Bagaimana aku menjaga supaya fikiran-fikiranku tetap bersemangat muda di samping keinginan agar ada arah yang mantap dalam fikiran-fikiranku? Kufikir yang pertama sekali adalah menyusun suatu sikap dasar yang menghargai dan memahami macam-macam alam fikiran di segala zaman dan tempat. Yang kedua adalah selalu mengikuti perkembangan pemikiran yang ada serta memperhatikan masalah-masalah kemasyarakatan dengan sikap-sikap dasar di atas agar selalu bisa diberikan penyegaran dan ide-ide yang baru.”

(Ahmad Wahib, 1981, p. 273)

Pemikiran Sosial dan Falsafah Kebebasan Ahmad Wahib

Ahmad Wahib memperjuangkan nilai-nilai sosial yang progresif berteraskan prinsip kebebasan, keadilan, serta tanggungjawab kolektif (*jama'i*) dalam kehidupan bermasyarakat. Pemikiran sosial yang digariskannya mencerminkan aspirasi perjuangan untuk menegakkan keadilan, kejujuran, dan perubahan sosial, di samping menggerakkan pembinaan masyarakat madani yang berpaksikan nilai kebenaran bersifat universal dan inklusif. Menurut Ahmad Wahib, nilai-nilai ini tidak terikat kepada batas budaya tertentu, sebaliknya berasal daripada pelbagai tradisi pemikiran, kerangka budaya dan pengalaman kemanusiaan yang saling memperkaya. Dalam merumuskan idea-idea progresif yang seiring dengan gagasan Nurcholish Madjid mengenai asas sosial dan politik Islam, Ahmad Wahib menegaskan bahawa:

“Ide sosialisme dan demokrasi...harus diterima sebagai tema pokok perjuangan umat Islam serta sebagai rumusan konkrit daripada ajaran al-Qur'an. Pikiran ini dikemukakannya sebagai realisasi sikap mental terbuka terhadap puncak-puncak pemikiran manusia tentang masalah-masalah sosial, dari mana pun datangnya faham atau ide itu sebagaimana orang Islam telah terbuka sikapnya terhadap karya orang-orang Barat di bidang masalah-masalah kealaman - sains dan teknologi.”

(Ahmad Wahid, 1981, p.72)

Ahmad Wahib menilai keadaan intelektual Indonesia yang menurutnya masih terperangkap dalam bentuk-bentuk penindasan baharu yang lebih halus selepas berakhirnya tekanan lama. Beliau mengkritik perubahan peranan golongan intelektual yang pada awalnya bersifat kritis dan bebas, namun akhirnya berubah menjadi teknokrat yang digunakan untuk memperkukuh kekuasaan pemerintah. Dalam pandangannya, pemerintah sengaja menggunakan legitimasi dan argumentasi intelektual untuk mempertahankan kekuasaannya. Oleh itu, Ahmad Wahib menyeru agar golongan intelektual membina gerakan moral yang berprinsip dan dinamik, dengan melibatkan seniman, mahasiswa, dosen serta ahli akademik bebas sebagai suara pengimbang terhadap kekuasaan politik,

khususnya terhadap pengaruh ABRI dan GOLKAR, agar kuasa mereka tidak menjadi mutlak. Menurutnyanya:

“Salah satu sikap seorang demokrat ialah tidak melakukan teror mental terhadap orang yang mau bersikap lain. Membiarkan orang lain menentukan sikap dengan perasaan bebas, tanpa ketakutan, sesuai dengan isi hatinya sendiri merupakan pencerminan sikap seorang demokrat...target kaum demokrat bukanlah “supaya dia menentukan sikap seperti kita punya sikap” melainkan “supaya dia menginsafi dengan sadar akan kelemahan sikapnya”. Kaum demokrat tidak suka bila orang lain itu sependapat atau sesikap dengan dia karena terpaksa, karena ngeri akan serangan-serangan keras ataupun segala macam teror mental.”

(Abdul Wahid, 1982, p. 14)

Salah satu pemangkin kepada pemberdayaan umat seperti yang ditegaskan oleh Ahmad Wahib ialah kerangka metodologi yang kukuh dan tersusun. Beliau berpendapat bahawa kemajuan dunia Barat dalam bidang sains, teknologi, idea serta peradaban banyak dipengaruhi oleh pendekatan metodologi yang ideal dan sistematik, sedangkan umat Islam di rantau ini masih terperangkap dalam wacana usang serta pertentangan pemikiran antara golongan muda dan tua. Menurutnyanya, keadaan ini berpunca daripada kegagalan umat untuk membina asas pemikiran yang rasional, terbuka dan berorientasikan kemajuan, iaitu;

“Bidang metodologi sangat maju di dunia barat, dengan alat mana mereka bisa merobek-robek satu demi satu tabir yang menyelubungi rahsia-rahsia alam, masyarakat dan kemanusiaan ini. Di dunia barat metodologi dikembangkan dan dipakai tidak hanya untuk memperoleh kebenaran-kebenaran baru, tapi juga untuk menyebarkan kebenaran-kebenaran yang sudah ada. Mencari kebenaran tertentu dalam rangka menyebarkan kebenaran lain yang sudah ada. Inilah yang disebut metodologi dalam mengajar. Dengan tekun mereka mengadakan riset di bidang metodologi, termasuk dalam metodologi mengajar ini bagaimana mengajarkan sesuatu ilmu atau cara seefisien mungkin. Di Indonesia kita belajar bahasa Perancis bertahun-tahun baru boleh dibilang menguasai. Di Amerika Serikat berkat pemakaian metode-metode yang efisien, pengajaran bahasa Perancis dengan hasil yang sama bisa dilakukan dengan waktu jauh lebih pendek.”

(Abdul Wahib, 1981, p. 97-99)

Pengalaman Keagamaan dan Falsafah Teologi Ahmad Wahib

Pemikiran keagamaan Ahmad Wahib berpusat pada isu-isu teologis dan proses pemaknaannya yang bersifat rasional, dinamik dan kontekstual. Dalam kerangka ini, beliau menggariskan sembilan tema utama yang membentuk asas renungan teologinya, iaitu:

- i. Karya Tuhan di dunia dalam perspektif teologis yang mencakupi persoalan tentang Tuhan, manusia dan alam, konsep *sunnatullah*, *ayatullah*, dan wahyu Ilahi; hubungan antara wahyu dan sejarah; serta isu transendensi Tuhan dan manifestasi tindakan-Nya dalam realiti kehidupan.
- ii. Konsep manusia dalam Islam termasuk persoalan takdir, kebebasan, dan tanggungjawab manusia terhadap kekuasaan Ilahi.
- iii. Kedudukan al-Qur'an dan al-Sunnah dalam memahami Islam.
- iv. Evolusi alam dan manusia sebagai manifestasi hikmah Ilahi.
- v. Isu ateisme yang meliputi hubungan antara yang Ilahi dan yang eksistensial serta kemungkinan dialog antara agama dan faham ateis.
- vi. Perkembangan teologi dalam kalangan penganut Kristian.
- vii. Sikap teologis terhadap agama-agama lain khususnya dalam konteks pluralisme keagamaan.

- viii. Keimanan terhadap perkara ghaib termasuk malaikat, jin, syaitan, Adam, Hawa, syurga, neraka dan akhirat.
- ix. Masalah jamaah dalam sifat individual Islam, yang mengupas tentang solidariti, keseimbangan antara agama rohani dan agama politis, serta tanggungjawab sosial umat.

Kemusykilan asas yang sering diketengahkan olehnya ialah isu kemunafikan, yang menurutnya tergambar dalam amalan golongan elitis agama yang memperlihatkan pertentangan antara nilai-nilai ideal dalam teori dengan pelaksanaannya dalam praktik seperti yang sering ditegaskannya, iaitu golongan agama kurang berupaya menterjemahkan idea-idea mereka ke dalam bahasa sekular, ditambah pula dengan sikap hipokrit yang ditunjukkan oleh sebahagian tokoh mereka sendiri. Oleh sebab itu, menjadi kewajiban golongan agama untuk melakukan introspeksi diri dan menilai mengapa mereka kini kehilangan kewibawaan, bahkan kritikan yang datang daripada golongan agama sendiri semakin kurang didengari. Kemelut-kemelut yang berbangkit dalam agama banyak ditanganinya dengan merujuk langsung kepada kitab dan sunnah, dengan mengeneipkan peranan autoriti agama dalam lingkungannya seperti dinyatakannya, iaitu:

“Terus terang, aku kepingin sekali bertemu sendiri dengan Nabi Muhammad (saw) dan ingin mengajaknya untuk hidup di abad 20 ini dan memberikan jawaban-jawabannya. Aku sudah kurang percaya pada orang-orang yang disebut pewaris-pewarisnya.”

(Ahmad Wahib, 1981, p. 163-164)

Hasrat ini diperkukuh dengan hujahnya bahawa satu-satunya hakim dalam Islam adalah hati nurani, iaitu:

“Satu-satunya hakim dalam Islam bagi kehidupan seorang Muslim adalah hati nuraninya, bukan fatwa ulama, bukan isi buku-buku agama, ketentuan-ketentuan dari kawan dan lain-lain. Semua yang terakhir itu sekedar merupakan bahan-bahan pertimbangan yang benar-benar memang harus dipertimbangkan. Islam adalah hati nurani setelah dengan sungguh-sungguh mempertimbangkan pendapat-pendapat, kepentingan-kepentingan, cita-cita orang lain dan kelompok sosial sekelilingnya.”

(Ahmad Wahib, 1981, p. 223-224)

Ahmad Wahib mengangkat gagasan besar tentang kebebasan intelektual dan semangat ijtihad dengan cita-cita membangunkan penghayatan agama yang berpijak pada realiti sosial, tetapi tetap berlandaskan hukum dan syariat. Idealisme ini beliau pertahankan secara konsisten meskipun berhadapan dengan pelbagai tekanan semasa kehidupannya di Jakarta. Beliau mencatat pengalaman tersebut dengan nada reflektif:

“Di Jakarta aku merasa asing. Aku tak memiliki kawan pribadi...betapa banyak kawan-kawan baikku sendiri enggan dan menjauh dariku setelah mereka tahu tidak ada lagi keuntungan bisa diperoleh dari orang yang tidak punya kekuatan apa-apa seperti aku. Jadi apakah kekuatan itu? Sebut saja: uang, pengaruh dan status sosial! Coba perhatikan betapa banyak idealis-idealisme yang telah runtuh dan kini telah berkompromi. Apa yang dulu mereka serang, sekarang mereka sendiri mengerjakannya. Yogya sering disebut sebagian kawan-kawan sebagai kotanya para idealis. Sepanjang pengamatanku tidak ada idealis-idealisme dari Yogya yang bisa bertahan dengan idealismenya di Jakarta, suatu kota yang ganas. Di Jakarta, mereka “terpaksa” tidak konsisten. Kini aku harus dengan yakin memegang nasibku di tanganku sendiri.”

(Ahmad Wahid, 1981, p. 326-327)

Rekonstruksi Pemikiran dan Kesedaran Ijtihad Sosial

Cita-cita pembaharuan yang digagaskan oleh Ahmad Wahib menekankan keperluan ijtihad sebagai asas dalam usaha menggarap maqasid syariah serta membina idealisme hukum yang berpaksikan nilai moral dan kemanusiaan. Dalam kerangka pembaharuan tersebut, Ahmad Wahib mengemukakan gagasan pemikiran yang menyeluruh dan konsisten, berteraskan keberanian berfikir secara kritis, kemampuan berpolemik secara rasional, dan keupayaan melahirkan idea-idea baharu yang segar dan relevan dengan perkembangan zaman. Beliau turut menegaskan pentingnya membangunkan tradisi keilmuan yang integral serta menghidupkan kembali wacana keagamaan melalui pendekatan yang bersifat rasional, jujur secara intelektual dan peka terhadap implikasi sosial serta politik daripada perubahan pandangan terhadap agama. Prinsip kebebasan berfikir dan beriktikad yang diperjuangkannya menolak budaya taklid yang membataskan dinamika intelektual umat Islam.

Ahmad Wahib percaya bahawa keupayaan melahirkan gagasan pembaharuan dan memacu budaya ilmu yang progresif bergantung kepada keberanian menilai semula pemikiran sedia ada secara kritikal dan terbuka. Kesedaran ini lahir daripada keprihatinannya terhadap realiti masyarakat yang tertindas dan ketinggalan dalam aspek ekonomi serta kemunduran daya fikir, seperti yang digambarkannya melalui renungan peribadi terhadap keadaan sosial Indonesia pada zamannya.

“Aku tidak mengerti keadaan di Indonesia ini, ada orang yang sudah sepuluh tahun jadi tukang becak. Tidak meningkat-ningkat. Seorang tukang cukur bercerita bahwa dia sudah 20 tahun bekerja sebagai tukang cukur. Penghasilannya hampir tetap saja. Bagaimana ini? Mengapa ada orang Indonesia yang sampai puluhan tahun menjadi pekerja-pekerja kasar yang itu-itu juga. Pengetahuan mereka juga tidak meningkat. Apa bedanya mencukur 3 tahun dengan mencukur 20 tahun? Apa bedanya menggenjot becak setahun dengan sepuluh tahun? Ide untuk maju walaupun dengan pelan-pelan masih sangat kurang di Indonesia ini. Baru-baru ini saya melihat gambar orang tua di majalah. Dia telah 35 tahun menjadi tukang potong dodol pada sebuah perusahaan dodol. Potong-potong...potong terus, tiap detik, jam, hari, bulan, tahun,..., sampai 35 tahun. Masya Allah!...Bagiku dalam bekerja itu harus terjamin dan diperjuangkan dua hal: Penghasilan harus meningkat, pengalaman dan pengetahuan harus terus bertambah.”

(Ahmad Wahib, 1981, p. 246-247)

Keadaan umat Islam yang masih tertinggal dan terpinggir daripada arus pembangunan ekonomi telah membangkitkan kesedaran serta semangat juang Ahmad Wahib untuk memperbaiki dan memperbaharui taraf hidup serta jati diri umat. Dari kesedaran tersebut, lahirlah gagasan-gagasan pembaharuan yang bersifat progresif dan strategik yang dikemukakannya sebagai usaha memacu kemajuan ekonomi dan mengangkat martabat masyarakat Islam agar seiring dengan tuntutan zaman.

Kesimpulan

Perbincangan ini menunjukkan bahawa falsafah pemikiran Ahmad Wahib berasaskan pertimbangan intelektual yang bersifat praktis, kritis, dan rasional dalam menjawab pelbagai permasalahan keagamaan melalui kerangka hukum Islam yang luas, dinamik, dan kontekstual. Pandangan dunianya berakar daripada tradisi *‘aqliyyah* Islam yang segar dan progresif, iaitu tradisi yang pernah melahirkan era pencerahan (*nahdah*) dan menyumbang kepada kebangkitan peradaban dunia, termasuk di Barat. Pemikiran Ahmad Wahib menampilkan keberanian intelektual seorang sarjana muda Islam yang menolak kejumudan dan menyeru kepada kebebasan berfikir serta ijtihad berasaskan maqasid syariah. Catatan hariannya bukan sahaja mencerminkan keresahan dan pergulatan batin seorang pencari kebenaran, tetapi juga menjadi dokumen penting yang memperlihatkan dinamika wacana keagamaan dan intelektualisme Islam moden di Indonesia. Fikiran-fikirannya yang progresif dan reflektif wajar dinilai sebagai khazanah intelektual yang berharga untuk generasi muda Islam masa kini, iaitu generasi yang dihadapkan dengan cabaran sekularisme, globalisasi dan krisis moral kemanusiaan. Idealisme

Ahmad Wahib harus difahami sebagai manifestasi fitrah Islam yang mendorong kepada pembaharuan, pemugaran kesedaran, serta penghayatan ijtihad yang sejati dalam menegakkan nilai keadilan, kebebasan dan kemanusiaan sejagat.

Rujukan

- Abdurrahman Wahid, K. H. (1982, January 22). *Sekali lagi Ahmad Wahib*. GusDur.Net. <https://gusdur.net/sekali-lagi-ahmad-wahib/>
- Ahmad Wahib. (1981). *Pergolakan pemikiran Islam: Catatan harian Ahmad Wahib* (Djohan Effendi & Ismed Natsir, Eds.). Penerbit LP3ES.
- Alexander, S. T. (2012). *Mencari Islam kontekstual: Menggumuli spirit Ahmad Wahib (Refleksi seorang muallaf)*. In Saidiman Ahmad et al. (Eds.), *Pembaharuan tanpa apologia? Esai-esai tentang Ahmad Wahib* (pp. 85–98). Yayasan Paramadina & HIVOS.
- Ayu Alfiah Jonas. (2020, August 27). *Ahmad Wahib: Mencatat pemikiran dalam catatan harian*. BincangSyariah. <https://bincangsyariah.com/khazanah/ahmad-wahib-mencatat-catatan-harian/>
- Hafidz Arfandi. (2017, January 22). *Ahmad Wahib: Telaah kritis "Pergolakan pemikiran Islam"*. HMI Cabang Sleman. <https://www.hmisleman.org/ahmad-wahib-telaah-kritis-pergolakan-pemikiran-islam/>
- H. Faisal Ismail. (2018). *Polemik pembaruan pemikiran Islam Ahmad Wahib: Apresiasi dan kritisi*. Basabasi.
- Irfan Noor. (2003). Islam liberal dan tradisi pembaharuan Islam di Indonesia. *Ilmu Ushuluddin*, 3(3), 1–19.
- Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan, Dg Junaidah Awang Jambol, & Diana Peters. (2025). Menelusuri akar peradaban Melayu dalam kepimpinan Abdullah Badawi: Hubungan dua hala Malaysia–China. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 36(1), 20–35. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol36no1.2>
- Mukti Ali, H. A. (1981). Pengantar. In Djohan Effendi & Ismed Natsir (Eds.), *Pergolakan pemikiran Islam: Catatan harian Ahmad Wahib* (pp. 1–5). Penerbit LP3ES.
- Muliati. (2013). Ahmad Wahib: Reinterpretasi ajaran Islam. *Al-Fikr*, 17(3), 55–68.
- Muhammad Khusnul Khuluk. (2014). *Ahmad Wahib dan pemikiran politik Islam* [Unpublished paper]. Program Studi Politik Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya.
- Muzaffar Mohd Zafri, Rahimah Hamdan, Arba'ie Sujud, & Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2025). Kebijaksanaan adab Melayu dalam *Hikayat Hang Tuah*: Keris sebagai cerminan masyarakat berilmu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 36(1), 36–48. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol36no1.3>
- Nadhirah Mohd Rubani. (2023). Elemen Islam liberal dalam idea pembaharuan Ahmad Wahib. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 9–21. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/235>

Nuridin. (2006). *Pembaharuan pemikiran Islam: Studi tentang kontribusi pemikiran Ahmad Wahib terhadap pembaruan pemikiran Islam di Indonesia* [Unpublished master's thesis]. Universitas Indonesia.

Saidiman Ahmad, Husni Mubarak, & Testriono (Eds.). (2010). *Pembaharuan tanpa apologia? Esai-esai tentang Ahmad Wahib*. Yayasan Paramadina & HIVOS.